wordings of our s 133 of the Bankruptcy Act 1967 are in pari materia with the wordings of s 149 of the English Bankruptcy Act 1914 (previously s 148 of the English 1883 Act). In the case of *Re Winterbottom, ex p Winterbottom*,[1] it would appear that the request for the issue of a bankruptcy notice by the solicitor was in order except that the receiving order was set aside solely on the ground that the proceeding was taken in the name of the liquidator and not in the name of the company when Cave J said at p 450:

> The request is made by FH Smyth, 'solicitor for HG Nicholson, of, & c, the liquidator of the Manchester and Oldham Bank Limited'. *Possibly this might have got over*, but the notice, the document actually served on the debtor, is headed 'Ex p Henry Grosvenor Nicholson, liquidator of the Manchester and Oldham Bank, Limited' and looking at the heading and at the contents I am unwillingly compelled to come to the conclusion that it is a proceeding taken in the name of Nicholson the liquidator, and not in the name of the company. (Emphasis added.)

Williams and Muir Hunter on Bankruptcy (9th Ed), in dealing with the matter relating to a request for the issue of a bankruptcy notice under r 136 of the English Bankruptcy Rules 1952, said at p 582, 'A solicitor can apply on behalf of a corporation without being authorized under seal.' It would seem clear to me that a solicitor can therefore request for the issue of a bankruptcy notice on behalf of a corporation as in this case without the necessity of having an authorized officer of the corporation to do so as seemed to be the contention of Mr Loa, counsel for the debtor. The petitioning creditor had complied strictly with the prescribed Form 4 and I therefore do not see any merits in the objection of the debtor and I accordingly would dismiss the debtor's notice with costs to the petitioning creditor. In the event, I would order that a receiving order and adjudication order be made against the debtor.

Order accordingly.

Solicitors: *Goh & Partners Advocates*; *Loa & Lim Advocates.*

Reported by *Yap Shao Sin*

Pendakwa Raya lwn Mohamed Khalid bin Hussein

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH WILAYAH PERSEKUTUAN NO 58-30-87
FAIZA TAMBY CHIK PK
22 MAC 1990

Acara Jenayah — Identiti barang-barang kes — Tuduhan mengedar dadah — Rantaian keterangan terputus — Keraguan ditimbulkan mengenai identiti barang kes — Kegagalan membuktikan kes prima facie — Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6), s 399

Yang tertuduh di dalam kes ini telah didakwa atas tuduhan melakukan kesalahan mengedar dadah merbahaya iaitu ganja seberat 965g. Ia telah ditahan apabila ia turun dari sebuah bas ekspres dan pada masa itu ia membawa satu beg berwarna biru. Di dalam beg itu terdapat satu beg plastik berwarna merah. Di dalam beg plastik itu terdapat pula satu bungkusan yang dibalut dengan kertas suratkhabar dan diikat dengan seutas tali merah yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja. Kemudiannya bungkusan itu telah dihantar ke Pejabat Kimia di Petaling Jaya dan diserahkan kepada seorang ahli kimia. Barang itu telah diambil semula dari Jabatan Kimia tetapi didapati ia telah dimasukkan dalam beg plastik warna putih. Juga ada kelainan dari segi warna, bentuk dan corak mengenai barang itu. Ahli kimia yang menganalisa barang itu tidak dipanggil untuk memberi keterangan untuk menjelaskan perkara perbezaan itu tetapi sebaliknya pihak pendakwaan telah menawarkannya kepada pihak pembelaan.

Diputuskan, membebaskan yang tertuduh:

Oleh kerana pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan, sebab timbul lompang di dalam kes pendakwaan dan oleh hal yang demikian, yang tertuduh hendaklah dibebaskan dan dilepaskan dari tuduhan terhadapnya.

[The accused in this case was charged with trafficking in a dangerous drug, to wit 964g of ganja. The accused had been detained as he alighted from an express bus and he was carrying a blue bag. The bag was examined and in it was found a red plastic bag and in the plastic bag was a parcel wrapped in newspaper and tied with a red string. The parcel contained dried leaves suspected to be ganja. The parcel was later sent to the Chemistry Department in Petaling Jaya. After the contents of the parcel were analysed, they were returned to the police. They were returned in a white plastic bag. The contents too were different in colour, form and shape from the dried leaves sent to the Chemistry Department. The chemist who analysed the dried leaves was not called to give evidence and to explain the differences. The prosecution however offered the chemist to the defence.

Held, acquitting the accused:

Because of the failure of the prosecution to call evidence to establish the chain of evidence relating to the exhibits in the case, no prima facie case was established at the end of the prosecution's case and therefore the accused must be acquitted and discharged.]

Kes-kes rujukan

1 *Abdullah Zawawi* lwn *Pendakwa Raya* [1985] 2 MLJ 16 (dirujuk)
2 *Su Ah Pin* lwn *Pendakwa Raya* [1980] 1 MLJ 75 (dirujuk)
3 *Teoh Hoe Chye* lwn *Pendakwa Raya* [1987] 1 MLJ 220 (dirujuk)

Undang-undang rujukan
Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37, 39B
Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6) s 399

Cik Hafilah bte Daud (Timbalan Pendakwa Raya) bagi Pendakwa Raya.
Gulam Mustaffa Nadar Ali Khan bagi yang tertuduh.

Cur Adv Vult

Faiza Tamby Chik PK: Yang Tertuduh (YT) telah didakwa atas tuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 22 November 1986 pada jam lebih kurang 2.30 petang di kawasan Platform 13 dan 14, Perhentian Bas Pudu Raya, di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah melakukan kesalahan mengedar dadah merbahaya iaitu ganja seberat 964g dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Merbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) di bawah Akta yang sama.

Mengikut keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, pada 22 November 1986, jam lebih kurang 2.30 petang, Insp Hassan Jalaluddin (SP2) dari CAD, IPK, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur telah mengetuai satu pasukan polis terdiri daripada D/Sjn 55033 Lasim, D/Kpl 56968 Mat Nor bin Piei, D/Kpl 69839 Abd Halim, D/Kpl 46679 Hj Ahmad Zaini dan DPC 82815 Wong Khoon San, dan menyerbu kawasan Platform 13 dan 14 Perhentian Bas Pudu Raya. Mereka nampak seorang lelaki Melayu yang baru turun dari sebuah bas yang bernama Raya Express, bersama-sama dengan seorang budak lelaki membawa satu beg berwarna biru. SP2 telah menahan lelaki tersebut dan memperkenalkan dirinya sebagai seorang pegawai polis. SP2 telah merampas beg tersebut dari tangan lelaki tersebut dan terus membukanya. Di dalam beg biru tersebut termuat beberapa helai pakaian dan satu beg plastik berwarna merah. Di dalam beg plastik berwarna merah tersebut terdapat satu bungkusan yang dibalut dengan kertas suratkhabar dan diikat dengan seutas tali merah yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja.

Lelaki Melayu tersebut dicami sebagai YT oleh SP2. Daun-daun kering yang disyaki ganja ditandakan sebagai barang kes P8, pembalut suratkhabarnya sebagai P4A-E dan tali merah pengikat pembalut tersebut sebagai P5. Plastik merah tersebut ditandakan sebagai barang kes P6 dan beg biru tersebut sebagai P3. Budak lelaki yang bersama YT dikenali sebagai Abdul Rani.

Pasukan polis yang diketuai oleh SP2 telah membawa YT dan semua barang-barang kes yang dirampas balik ke pejabat CAD, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur. Di pejabatnya, SP2 telah membuat lapuran polis mengenai penangkapan tersebut iaitu lapuran polis Jalan Bandar 19723/86 dan menyerahkan barang-barang kes yang dirampas tadi kepada Insp/Wanita Lailanizha bte Akob (SP3) bersama-sama dengan YT dan Abdul Rani. Perkara ini telah diakui oleh SP3 melalui borang akuan serah barang-barang kes (P9) yang berbunyi 'sebuah beg jinjit kanvas warna biru cop True East di dalamnya mengandungi satu beg plastik warna merah di dalamnya didapati satu bungkusan kertas-kertas akhbar yang berikat dengan tali berwarna merah di dalamnya mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja. Beberapa helai pakaian budak'.

SP3 telah mengatakan bahawa pada tiap-tiap barang kes yang diserahkan kepadanya terdapat tandatangan SP2 dan tarikh kejadian tersebut berlaku dituliskan. SP3 telah mengarahkan D/Kpl 56968 Mat Nor bin Piei mengambil air kencing YT. SP3 menyimpan barang-barang kes tersebut di dalam peti kabinetnya dan dikunci dan kunci tersebut dipegang olehnya sendiri. SP3 berkata dia kemudian telah membungkus daun-daun kering yang disyaki ganja tersebut dalam bungkusan kertas berwarna coklat dan ditandakannya dengan huruf besar 'A', serta dicatitkan nombor lapuran polis dan dimetrikan dengan PDRM 341. Bungkusan 'A' ini dijadikan barang kes bertanda P10.

Pada 27 November 1986 kira-kira pukul 3.15 petang, SP3 telah menghantar bungkusan bertanda 'A' (P10) ke Pejabat Kimia di Petaling Jaya dan menyerahkannya kepada Encik Woo Kai Hung, seorang ahli kimia. Ini telah diakui oleh Encik Woo Kai Hung melalui surat akuan terima barang-barang kes yang dijadikan barang kes bertanda P11.

Pada 6 Mei 1987, SP3 telah mengambil semula sendiri bungkusan bertanda A (P10) daripada Encik Woo Kai Hung di pejabatnya di Jabatan Kimia Petaling Jaya. Tetapi kali ini bungkusan tersebut telah dimetrikan dengan metri Jabatan Kimia Petaling Jaya. SP3 juga menerima suatu lapuran kimia.

Pada 25 October 1987 pukul 10.10 pagi, SP3 telah menyerahkan satu lapuran kimia (P12) kepada YT di Penjara Pudu. SP3 seterusnya berkata bahawa semua barang-barang kes tersebut telah disimpan di Stor Barang-barang Kes di CAD, IPK, Jalan Hang Tuah Kuala Lumpur. SP3 berkata dia sendiri yang membawa barang-barang kes tersebut ke mahkamah.

Sayugia diingat dalam kes yang seberat ini perlu ditegaskan bahawa keterangan yang dikemukakan terutama mengenai daun-daun kering yang disyaki ganja yang ditandakan sebagai barang kes P8, tidak boleh dipandang ringan. Ini adalah disebabkan anggapan statutori yang terdapat di bawah s 37 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman mati mandatori di bawah s 39B(2) Akta tersebut jika YT disabitkan kesalahannya.

Sungguhpun tidak ada keraguan mengenai daun-daun kering yang disyaki ganja (P8) dari mula ianya dirampas hingga dihantar ke ahli kimia Encik Woo Kai Hung, tetapi keraguan mengenai identiti P8 timbul setelah ianya dianalisa oleh ahli kimia tersebut. Dan dalam kes ini ahli kimia tersebut yang menjalankan analisa terhadap P8, tidak

dipanggil untuk memberikan keterangan, tetapi sebaliknya pihak pendakwaan telah menawarkannya kepada pihak pembelaan. Tetapi apabila keterangan pihak pendakwaan tidak membuktikan kes prima facie pada akhir kes pendakwaan, maka tindakan sedemikian itu tidak dapat menutup kesenjangan atau lompang (gap) yang timbul dalam kes pendakwaan (lihat *Abdullah Zawawi* lwn *Pendakwa Raya*[1]). Adalah benar lapuran ahli kimia tersebut telah dikemukakan sebagai keterangan ditandakan sebagai barang kes P12. Dan adalah benar juga jika pihak pembelaan menghendaki kehadiran ahli kimia tersebut, beliau hendaklah memohon seperti yang ditetapkan di bawah s 399(b) Kanun Acara Jenayah (FMS Cap 6). Tetapi SP3, pegawai penyiasat kes ini, mengakui bahawa ada kelainan dari segi warna, bentuk dan corak mengenai P8 setelah ianya diterima semula daripada ahli kimia setelah dianalisa. Apabila disoalbalas oleh Encik Gulam Mustaffa, peguambela yang bijaksana bagi pihak YT, Insp Lailanizha (SP3) pegawai penyiasat dalam kes ini menjawab, 'Ya, saya bersetuju jika dibandingkan (dengan P2F — iaitu gambar gumpalan daun-daun kering tersebut dengan P8 — daun-daun kering tersebut setelah dianalisa oleh ahli kimia) warnanya berlainan'.

S: Bentuknya pun berlainan?
J: Saya bersetuju.
S: Corak-coraknya pun berlainan?
J: Saya bersetuju.

Lapuran kimia pula tidak dapat menjelaskan kelainan dari segi warna, bentuk dan corak. Lapuran ini hanya menyatakan:

> I examined the package 'A' and found in it a plastic bag with a newspaper package containing a slab of compressed plant material weighing 964g (net). On analysis I found the plant material to be 'cannabis' as defined in the DDA 1952.

Jadinya ini telah menimbulkan keraguan mengenai identiti P8 itu sendiri. Tambahan pula apabila P8 tersebut diserahkan kepada ahli kimia tersebut pada 27 November 1986, P8 telah dibalut dengan keratan suratkhabar yang dimasukkan dalam plastik warna merah (P6) tetapi bila P8 dikehendaki dicamkan di mahkamah oleh SP2, ianya telah dimasukkan dalam plastik warna putih (P7). Tidak ada apa-apa penjelasan dalam keterangan pihak pendakwaan dari mana dan bagaimana plastik putih (P7) boleh mengisi P8. Hanya keterangan lisan ahli kimia tersebut sahaja yang boleh menjelaskan keraguan yang timbul ini oleh kerana bila P8 dihantar kepadanya P8 telah diisikan ke dalam plastik warna merah (P6), bukannya dalam plastik warna putih (P7).

Seperti yang dinyatakan di awal tadi, pada 6 Mei 1987, SP3 telah mengambil sendiri semula bungkusan bertanda 'A' (P10) daripada Encik Woo Kai Hung, ahli kimia tersebut, di pejabatnya di Jabatan Kimia Petaling Jaya. SP3 dalam keterangannya menyatakan bahawa bungkusan tersebut telah dimetrikan dengan metri Jabatan Kimia Petaling Jaya. Seterusnya SP3 menyatakan bahawa bungkusan tersebut telah disimpannya di Setor Barang-barang Kes di CAD IPK Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur. Pihak pendakwaan telah memanggil Sjn 46497 Haji Paiman bin Hj Sattar (SP5), penjaga setor pada masa itu yang menyatakan dalam keterangannya bahawa pada 29 Julai 1987 Insp Lailanizha (SP3) telah menyerahkan bungkusan bertanda 'A' (P10) kepadanya untuk disimpan di dalam Setor Barang-barang Kes. Dan lagi SP5 menyatakan ada banyak bungkusan yang bertanda 'A' di setor tersebut. Selanjutnya SP5 menyatakan bahawa dia telah mencatitkan butir-butir P10 ke dalam Buku Daftar Barang-barang Kes (D14). Tetapi terdapat perubahan tanpa apa-apa penerangan dari pihak pendakwaan dalam D14. Di ruang tiga tertulis Jalan Bandar dan nombor lapurannya boleh ditafsirkan sebagai 19723/86 atau 19723/87 kerana nombor tersebut tertulis dengan perubahan begitu. Di ruang empat tertulis A/Ip dan nombornya boleh ditafsirkan sebagai 8877/86 atau 8877/87 kerana nombor tersebut tertulis dengan perubahan begitu. Catitan yang mengelirukan mengenai P10 ini patutlah dijelaskan oleh pihak pendakwaan, lebih-lebih lagi kerana di dalam P10 terbungkus daun-daun kering yang setelah dianalisa oleh ahli kimia didapati ganja seberat 964g (bersih) (P8) yang menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini. Pegawai penyiasat dalam kes ini, iaitu SP3, dalam keterangannya, bila disoalbalas oleh pihak peguambela bersetuju dengan pihak pembelaan bahawa P8 berlainan dari segi warna, bentuk dan corak, setelah diterima dari pihak ahli kimia.

Identiti P8 lebih meragukan lagi apabila diterima daripada pihak ahli kimia kerana ianya terkandung dalam plastik warna putih (P7) pada hal bila SP3 menyerahkan kepada ahli kimia P8 terkandung dalam plastik warna merah (P6). Tidak ada apa-apa penjelasan mengenai hal ini di dalam keterangan pihak pendakwaan.

Undang-undang sudah jelas iaitu tidak perlu dipanggil tiap-tiap saksi untuk memastikan rantaian keterangan tidak terputus (lihat *Su Ah Ping* lwn *Pendakwa Raya*[2]). Tetapi apabila ada keraguan mengenai identiti barang-barang kes seperti dalam kes ini, maka kegagalan mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan akan membawa padah kepada kes pendakwaan (*Teoh Hoe Chye* lwn *Pendakwa Raya*[3]). Dalam kes sekarang, saya dapati kegagalan tersebut telah berlaku, dan oleh itu pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie pada akhir kes pendakwaan akibat timbulnya kesenjangan atau lompang dalam kes pendakwaan.

Oleh hal yang demikian, saya membebaskan dan melepaskan YT daripada tuduhan tersebut.

Yang tertuduh dibebaskan.

Peguamcara: *Gulam Mustaffa & Co.*

Dilapurkan oleh *Prof Ahmad Ibrahim*